

Rujukan Kami : UniZA.P/2/PP/138 Jld.13 (1)  
Tarikh : 4 Februari 2021

## Semua Ketua Pusat Tanggungjawab

YBrs. Prof./Dr./Tuan/Puan,

### **MAKLUMAN TEMPOH PELANJUTAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 2.0 DAN PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1/2021-PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 2.0 BAGI STAF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniZA) (PINDAAN 4 FEBRUARI 2021)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2. Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan telah mengarahkan pelanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 sehingga 18 Februari 2021.
3. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pendaftar Bil. 1/2021-Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0 bagi staf Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA) (Pindaan 4 Februari 2021) dan surat kelulusan hadir ke pejabat yang ditandatangani oleh Y.Bhg Prof. Dato' Naib Canselor untuk perhatian dan tindakan YBrs. Prof./Dr./tuan/puan selanjutnya.

Sekian, atas kerjasama dan perhatian daripada YBrs. Prof./Dr./tuan /puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**‘Ilmu dan Akhlak’**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**ISMAIL BIN MUSA**  
Pendaftar

**PEKELILING PENDAFTAR BIL. 1/2021**

**PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 2.0 BAGI STAF UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UniSZA) (PINDAAN 4 FEBRUARI 2021)**

1. Susulan daripada peningkatan kes-kes COVID-19 bagi negeri-negeri di Malaysia, Kerajaan telah bersetuju dan mengarahkan pelaksanaan PKP 2.0.
2. Sehubungan dengan itu, dikemukakan prosidur standard operasi (SOP) perkara perintah kawalan pergerakan seperti dibawah bagi rujukan staf UniSZA:

Bil	Kategori	PKP	PKPB	PKPP
1.	Kehadiran Bertugas	Perkhidmatan perlu (essential services) 100 % Perkhidmatan lain maksimum 30%		Kehadiran Secara Optimum
2.	Mesyuarat melibatkan wakil agensi luar secara bersemuka	Tidak dibenarkan		Dibenarkan dengan mengikut SOP yang ketat
3.	Mesyuarat dalaman/luaran secara bersemuka	Tidak dibenarkan	Dibenarkan dengan mengikut SOP yang ketat	Dibenarkan dengan mengikut SOP yang ketat
4.	Latihan, sukan, seminar dan keagamaan secara bersemuka	Tidak dibenarkan		Dibenarkan dengan mengikut SOP yang ketat
5.	Rentas Negeri	Dibenarkan dengan kelulusan Y.Bhg Prof. Dato' Naib Canselor		Dibenarkan dengan mengikut SOP
6.	Sewaan Premis	Tidak dibenarkan	Dibenarkan dengan penglibatan peserta yang kecil	Dibenarkan

Nota: Tertakluk kepada arahan kerajaan dari semasa ke semasa



3. Semua KPTj hendaklah hadir ke pejabat dan bekerja sepertimana biasa tertakluk kepada arahan dari masa ke masa.
4. Staf yang bekerja dari rumah diwajibkan mematuhi Garis Panduan Norma Baharu Pengurusan Pejabat (Pindaan 9 Jun 2020) dan mematuhi perkara seperti berikut:
  - i. **Wajib mengisi** pautan <http://chase.unisza.edu.my> menggunakan ID UniSZA bagi tujuan perekodan bekerja **sebelum jam 9.00 pagi**;
  - ii. Staf yang mempunyai keperluan untuk **memohon cuti rehat** adalah dikehendaki **membuat permohonan cuti rehat melalui Sistem e-Cuti** sebagaimana proses biasa;
  - iii. Boleh dihubungi dalam waktu bekerja sama ada melalui telefon, emel atau media sosial;
  - iv. Bersedia untuk hadir ke pejabat sekiranya diminta bertugas oleh KPTj bagi menyelesaikan tugas; dan
  - v. **Wajib menjaga kerahsiaan dan integriti** tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000.
5. Surat arahan dan kelulusan hadir bekerja di pejabat kepada staf di Pusat Tanggungjawab masing-masing adalah ditandatangani oleh Y.Bhg Prof. Dato' Naib Canselor seperti di lampiran.
6. Arahan larangan kepada staf UniSZA ke zon merah adalah masih berkuatkuasa. Mana-mana staf UniSZA ke zon merah atas urusan yang tidak dapat dielakkan seperti urusan rasmi universiti, kes perubatan, urusan keluarga dan kematian perlulah **MENDAPAT KEBENARAN BERTULIS** daripada Naib Canselor dan tertakluk kepada arahan kerajaan dari semasa ke semasa.
7. Staf UniSZA yang telah kembali dari zon merah hendaklah terlebih dahulu menghubungi Jawatankuasa Kesihatan Covid-19 UniSZA untuk penilaian risiko sama ada bergejala atau sebaliknya. Jika didapati staf yang berkenaan adalah bergejala dan berisiko, maka staf tersebut adalah **DIWAJIBKAN** menjalani kuarantin sendiri secara pentadbiran dan bekerja dari rumah selama 7 hari atau sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Kesihatan Covid-19 UniSZA. Jawatankuasa Kesihatan Covid-19 UniSZA akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa dalam menangani masalah ini.
8. Mana-mana staf UniSZA yang menerima kunjungan tamu dari zon merah adalah **DIKEHENDAKI** bekerja seperti biasa dengan mematuhi Norma Baharu Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh KKM dan Norma Baharu Pengurusan Pejabat (Pindaan 9 Jun 2020) untuk tatacara bekerja di pejabat **KECUALI** didapati berisiko atas penilaian Jawatankuasa Kesihatan Covid-19 UniSZA.



9. Staf UniSZA yang berada di mukim/daerah berisiko dan merah Covid-19 **DIKEHENDAKI** bekerja seperti biasa dengan mematuhi Norma Baharu Prosedur Operasi Standard (SOP) yang dikeluarkan oleh KKM dan Norma Baharu Pengurusan Pejabat (Pindaan 9 Jun 2020) untuk tatacara bekerja di pejabat. Jika mana-mana staf adalah bergejala dan berisiko, maka staf berkenaan hendaklah menghubungi segera Jawatankuasa Kesihatan Covid-19 untuk penilaian risiko dan **DIWAJIBKAN** menjalani kuarantin sendiri secara pentadbiran dan bekerja dari rumah selama 7 hari atau sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kesihatan Covid-19 UniSZA.
10. Selain itu, staf hendaklah memaklumkan kepada KPTj masing-masing dan merujuk kepada klinik-klinik awam atau Pusat Kesihatan Pelajar UniSZA sekiranya:
  - i. mengalami mana-mana salah satu gejala Covid-19;
  - ii. menjadi kontak rapat (close contact) kepada mana-mana individu yang disahkan positif Covid-19;
  - iii. mempunyai pasangan/ahli keluarga serumah yang menerima arahan kuarantin dari Kementerian Kesihatan Malaysia; dan
  - iv. mempunyai ahli keluarga serumah yang menjadi kontak rapat (*close contact*) kepada individu yang menerima surat arahan kuarantin dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
11. Justeru itu, semua warga UniSZA dimohon untuk mengambil tanggungjawab bersama dengan mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftar dan pihak kerajaan bagi memastikan penularan wabak ini dapat dihentikan.
12. Pekeliling ini terpakai sepanjang tempoh PKP 2.0 dan tertakluk kepada arahan kerajaan dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Ilmu dan Akhlak"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**ISMAL BIN MUSA**  
Pendaftar

Rujukan Kami : UniSZA.C/2/PNC/625 Jld.18 (39)

Tarikh : 3 Februari 2021

Bersamaan : 21 Jamadilakhir 1442H

## Senarai Sepertimana Lampiran

YBrs. Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

### **KEBENARAN UNTUK HADIR KE PEJABAT BAGI PEGAWAI UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN SUSULAN PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Susulan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Negeri Terengganu, pengurusan universiti telah bersetuju bahawa YBrs. Prof./ Dr./tuan/puan perlu hadir ke pejabat bagi meneruskan tugas yang melibatkan urusan pentadbiran/kewangan/keselamatan dan lain-lain mengikut bidang dan skop tugas masing-masing sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa.

3. Dengan itu, YBrs. Prof./ Dr./tuan/puan hendaklah hadir ke pejabat bagi tujuan mengurus dan melaksanakan tugas yang diamanahkan seperti yang dinyatakan mengikut jadual tugas penggiliran yang telah dikeluarkan/ditetapkan.


Sekian, atas kerjasama dan perhatian daripada pihak YBrs. Prof./ Dr./tuan/puan berhubung perkara ini didahului dengan terima kasih.

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Ilmu dan Akhlak"**

Yang benar,



**PROF. DATO' DR. HASSAN BASRI BIN AWANG MAT DAHAN**